

07 DEC 2003

Mahathir-Ternakan

PEMILIK LADANG KELAPA SAWIT DIGALAK TERNAK LEMBU SECARA INTERGRASI

KLUANG, 7 Dis (Bernama) -- Pemilik ladang kelapa sawit dengan kawasan sekurang-kurangnya 0.5 hektar (1.2 ekar) seharusnya mengusahakan ternakan lembu secara integrasi bagi meningkatkan hasil pendapatan di samping membantu kerajaan mengurangkan import lembu daging.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ternakan lembu daging mampu memberi keuntungan yang berlipat ganda kepada pengusaha terbabit sekiranya diusahakan secara meluas.

Beliau, bagaimanapun, melahirkan rasa dukacitanya terhadap pemilik ladang kelapa sawit di negara ini yang masih kurang memberi sambutan walaupun kerajaan telah menyarankan kepada mereka untuk mengusahakan ternakan lembu secara integrasi.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke sebuah ladang lembu daging yang diusahakan oleh Kris Agirtech Sdn Bhd (KASB) di Padang Hijau, Jalan Kluang-Mersing, dekat sini.

"Penternak tempatan lebih suka mengusahakan ladang kelapa sawit, koko dan getah untuk memperolehi pendapatan, tetapi dengan adanya ternakan lembu lagi menambahkan pendapatan," katanya.

Katanya, setiap tahun kerajaan mengimport kira-kira 200,000 ekor lembu daging membabitkan nilai RM2 bilion.

"Oleh itu, dengan adanya penglibatan penternak tempatan akan dapat mengurangkan pengaliran wang ke luar negara," katanya.

Sambil menyifatkan lembu baka Argentina, Brangus, yang mempunyai keistimewaan kualiti daging yang baik dan seberat 450 kilogram itu, kata Dr Mahathir, amat sesuai diternak di negara ini.

Pada masa ini hanya ladang KASB yang mengusahakan ternakan lembu daging, terutama jenis Brangus.

KASB mengambil alih pengurusan ladang itu daripada Jabatan Perkhidmatan Haiwan sejak Okt lalu. Ladang seluas 400 hektar itu kini mempunyai 1,400 ekor lembu daging baka Argentina itu.

-- BERNAMA

BH PR